

Pemimpin British saksi kebangkitan Melayu

Oleh ROHANI IBRAHIM

5 hari lagi



Pengertian Bendera UMNO

Merah	Berani
Putih	Kesucian
Kuning	Warna Di raja
Hijau	Agama
Keris	Bangsa Melayu

Bentuk — merah melintang di atas putih bererti berani atas yang suci atau berani kerana benar.
Keris yang berwarna hijau letaknya di dalam bulatan kuning di tengah-tengah dengan hujungnya mengahla ke penjuru kanan di bawah.
Secara umumnya, bendera UMNO boleh dianggap bendera kebangsaan Melayu dan UMNO bererti atas dasar-dasar perjuangan, berani kerana benar dalam mempertahankan kedaulatan agama, rakyat dan negara.

penasihat British di Selangor makan ucapan hari bersama Sultan Selangor dan mendengar cogan membantah Malayan Union.

PERAK

Di Ipoh satu perhimpunan orang ramai membantah Malayan Union telah diadakan di Pekan Ahad, Jalan Datuk. Pada majlis makan tengah hari di Dewan Bandaraya Ipoh, Gammans dan Adams berucap dalam perhimpunan yang dihadiri beribu-ribu manusia.

Datuk Onn Jaafar, pemimpin Melayu yang lain, pemimpin-pemimpin dan wakil-wakil Cina, India, Eropah dan Serani turut hadir dalam majlis makan tengah hari anjuran Kaum Ibu Perikatan Melayu Perak.

Acara tersebut turut dihadiri oleh sebahagian besar daripada ahli-ahli Perikatan Pemuda Melayu Ipoh (Ipoh Malay Youth League).

Antara cogan-kata yang dibawa oleh kanak-kanak lelaki dan perempuan ialah, 'Kami Berkehendakkan Naungan Bukan Penaklukan' dan 'Jangan Kecewaan Kami'.

Sepanjang acara tersebut, teriakan 'Hidup Melayu' bergemuruh di angkasa.

Bandar Taiping juga menyaksikan ribuan penunjuk perasaan dari pelbagai golongan dan peringkat umur. Antara sependuk yang dipamerkan ialah lukisan yang menggambarkan seorang lelaki Inggeris mengulurkan sepeket surat kepada seorang raja Melayu dengan sebelah tangan sementara tangan yang sebelah lagi mengacukan pistol.

PULAU PINANG

Pada hari ketibaan Onn bersama ahli Parlimen British, satu perhimpunan raksasa diadakan di padang Sekolah Francis Light.

Pada majlis itu, satu pasukan barisan hormat terdiri daripada pemuda-pemuda ahli kumpulan Persatuan Pemuda Melayu Jelutong yang berpakaian seperti pelawak Melayu lengkap dengan tengkolok turut diadakan.

Sepanduk yang ditunjukkan di Pulau Pinang antaranya berbunyi: 'Ke Neraka Jahanamlah Malayan Union' dan 'Humbankan Perjanjian Mac Michael... Bikini'.

Onn yang tiba ke majlis berkenaan lebih dulu daripada ahli Parlimen British disambut dengan pekikan 'Hidup Melayu'.

Beliau kemudiannya memeriksa barisan hormat Semangat Pemuda dengan diiringi oleh Yang Di Pertua Persatuan Melayu Pulau Pinang, Syed Said Aidid dan Naib Yang Dipertua Kesatuan Melayu Pulau Pinang, Ibrahim Mahmood.

Onn dalam ucapannya di Pulau Pinang, memuji semangat yang ditunjukkan orang Melayu Pulau Pinang yang tidak mahu ketinggalan dalam perjuangan menentang Malayan Union bersama saudara-mara mereka yang lain di negeri-negeri Melayu.

Turut menyampaikan ucapan ialah Syed, Ibrahim dan Hasnah Ishak yang mewakili kaum wanita dan seorang kanak-kanak perempuan yang mewakili golongan kanak-kanak.

Di Seberang Prai pula, satu perhimpunan raksasa diadakan di padang Butterworth Recreation Club dengan sependuk-sependuk yang menentang ahli Parlimen British melonlong orang Melayu untuk menyampaikan bantahan mengenai Malayan Union.

KEDAH

Hampir semua orang Melayu di seluruh negeri Kedah keluar beramai-ramai dari bermulanya sempadan negeri Kedah sehingga di sepanjang jalan-jalan dan daerah yang dilalui oleh Onn dan ahli Parlimen British yang terlibat.

Di kiri kanan jalan hampir setiap pokok, kereta, kereta lembu, beca, tembok dan dinding-dinding rumah ditampal dengan poster ataupun kertas yang membantah Malayan Union.

Antara poster yang ditampal ialah yang berbunyi 'Siapa-kah Mac Michael itu? Kami tidak nampak rupanya'.

Perhimpunan dan tunjuk perasaan yang berlaku semasa lawatan Onn dan ahli Parlimen British juga menyebabkan sekolah dan pejabat ditutup kerana semua orang Melayu ingin turut serta dalam perhimpunan yang diadakan.

Perhimpunan raksasa yang diadakan di Alor Star, dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra. Antara petikan ucapan yang disampaikan ialah:

Sekiranya dengan kedatangan Malayan Union ini maksiat British hendak merampas Tanah Melayu ini lebih baiklah British membawa bom atom dan lepaskan di Tanah Melayu.

PERTEMUAN DI ISTANA BUKIT CANDAN, KUALA KANGSAR

Setelah melawat beberapa buah negeri, kedua-dua ahli Parlimen British dan Onn mengadakan pertemuan di sebuah padang besar di Kuala Kangsar pada 28 Mei 1946.

Selain Onn dan kedua-dua ahli parlimen British berkenaan, turut hadir pada majlis itu ialah Adams, pemimpin perhimpunan UMNO dan pertubuhan Melayu yang lain.

Permatasri Sultan Perak mengutusi kaum wanita dalam perarakan yang sepanjang sehari panjangnya.

Mufti Perak Ismail Hamzah kemudiannya membacakan satu perisytiharan rakyat Melayu Perak. Perisytiharan itu diserahkan kepada Gammans.

Pada hari yang sama, ahli Parlimen British mengadakan pertemuan selama lebih tiga jam dengan pemimpin-pemimpin Melayu dan pemimpin UMNO.

Sementara pada sebelah malam, mereka mengadakan perjumpaan dengan sembilan sultan dari negeri Melayu, Onn dan pemimpin UMNO yang lain di Istana Sultan Perak Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

Pada pertemuan berkenaan raja-raja Melayu memilih untuk mendiamkan diri dan memantikan apa yang hendak dipertakatakan oleh kedua-dua ahli Parlimen British terlebih dulu.

Dalam pertemuan kedua yang diadakan esoknya, raja-raja Melayu menyampaikan surat yang mengandungi cadangan-cadangan hasil daripada rundingan antara raja dengan pemimpin UMNO kepada kedua-dua ahli Parlimen British berkenaan.

PANTAI TIMUR

Negeri-negeri di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang turut mengadakan perarakan dan tunjuk perasaan yang tidak kurang hebatnya dengan negeri-negeri di Pantai Barat.

Bagaimanapun, memandangkan ahli-ahli Parlimen British itu sudah berpuas hati dengan tunjuk perasaan dan perhimpunan yang disaksikan di negeri-negeri di Pantai Barat maka mereka berancang untuk tidak melawat Pantai Timur.

Bagi mereka, apa yang disaksikan di Pantai Barat secara umumnya merupakan rasa tidak puas hati masyarakat Melayu di seluruh Tanah Melayu.

PERKEMBANGAN DI BRITAIN

Di Britain, lawatan Gammans dan Williams ke Tanah Melayu diperkatakan oleh akhbar Britain. Namun apabila pulang ke London, kedua-dua ahli Parlimen tersebut menyatakan rasa terkejut mereka dengan kebangkitan semangat perjuangan bangsa Melayu.

Pakar hal ehwal Tanah Melayu Britain, Sir Richard Winstedt dalam rencananya turut melahirkan rasa kesal dengan penaklukan Tanah Melayu dengan cara sedemikian.

Seorang lagi bekas pegawai British Sir Andrew Galdecot yang telah berkhidmat di kebanyakan negeri Melayu dahulu sebelum menjadi Setiausaha Tanah Jajahan Tuli (Colonial Secretary) Singapura turut membidas tindakan rakyat British mengenai Malayan Union.

Pihak berkuasa di London turut memandang rendah tentang perawakan yang dikedangkan untuk datang ke London dengan berkata, 'Tidak nampak boleh menampakkan hasil'.

Kenyataan ini sebaliknya menguatkan lagi penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

PETIKAN KATA-KATA DAN UCAPAN PEGAWAI DAN AHLI PARLIMEN BRITISH MENGENAI KEBANGKITAN ORANG MELAYU MENENTANG MALAYAN UNION

UCAPAN KAPTEN I.D. GAMMANS PADA PERTEMUAN BERSAMA SEMBILAN RAJA MELAYU DAN DATUK ONN JAAFAR DI BUKIT CANDAN, KUALA KANGSAR PADA MALAM 28 MEI 1946:

"Melayu adalah dicarrikkan oleh perselisihan-perselisihan politik dan tidak ada sesiapa yang dapat mengatakan berapa dalamkah perselisihan-perselisihan itu akan meresap atau apakah akan jadi kesan-kesannya melainkan bagaimanapun perkara ini boleh ditutup dan lukanya dibenci betul-betul.

Saya tidak dapat mengingati suatu pun kejadian dalam tawarikh British yang asas perubahan-perubahan politik seumpama itu telah dibuat dengan tidak diadakan sebuah suruhannya di raja atau kaedah lain bagi mengambil fikiran orang ramai.

Orang-orang Melayu telah menyatakan kepada saya dengan terust-terang bahawa mereka telah hilang kepercayaan di atas keikhlasan British."

KATA-KATA GAMMANS SETELAH MENYAKSIKAN TUNJUK PERASAAN DAN PERHIMPUNAN MENENTANG MALAYAN UNION DI NEGERI PANTAI BARAT:

"Sangat memeranjatkan. Apa yang menarik perhatian saya ialah pertemuan-perempuan Melayu yang pada masa saya berada di sini dulu tidak pernah mengambil bahagian sama sekali dalam hal ehwal orang ramai. Sekarang mereka memberi ucapan di tengah-tengah orang ramai. Tidak syak lagi orang Melayu telah mempunyai semangat politik dengan begitu cepat dan saya dapati tiap-tiap orang Melayu menentang Malayan Union."

KATA-KATA LEFTENAN KOLONEL REES WILLIAM SEBAIK SAJA PULANG KE LONDON SETELAH MENYAKSIKAN LAWATAN KE BEBERAPA NEGERI DI PANTAI BARAT:

"Saya dapati bahawa peraturan politik mereka yang bijak itu adalah sekarang sangat tinggi majunya. Cara yang di dalamnya perjalanan lawatan Kapten Gammans dan saya itu telah diatur dan sambutan terhadapnya mestilah mendatangkan pelajaran yang besar kepada pengatur-pengatur politik di Britain."

PETIKAN RENCANA PAKAR TANAH MELAYU BRITISH, SIR RICHARD WINSTEDT DALAM ARTIKEL BERTAJUK 'PERPECAHAN MELAYU — SEBAB DAN AKIBATNYA':

"Adalah dikesalkan dengan se-sungguhnya yang bentuk perlembagaan itu menggunakan nama jaja yang kepunyaan orang-orang Melayu sangat hormat dan taat dan yang pemerintahannya selama ini merupakan cermin keadilan, memikirkan mengapa kita menakluk mereka manakala kita tidak menakluk Jepun.

...Cuma ada satu jalan sahaja bagi mendapatkan semula satu Malaya yang bergembira dan bersatu. Dapada menunjukkan kezaliman kekuatan Kerajaan British mestilah menunjukkan kemuliaan hati sebagai satu satu bangsa Kolonial yang besar yang tujuannya adalah baik... Biarlah tinggalkan fikiran (yang tidak baik kepada pemimpin kita selama 70 tahun itu) bahawa bagi kemajuan masa hadapan Malaya."


PETIKAN KATA-KATA SIR ANDREW GALDECOT KETIKA MEMPENGERUSIKAN SEBUAH MESYUARAT:

"Kertas Putih Malayan Union lebih baik diktakkan Kertas Hitam dan Perlembagaan Malayan Union itu sebagai sebuah bangunan yang dipasang daripada rangananya yang telah disiapkan lebih dulu dengan tidak berasas sama sekali sama ada pada pandangan masyarakat mahupun tawarikh..."


KENYATAAN ONN BAGI MENGULAS KENYATAAN PIHAK BERKUALA BRITISH YANG MENGANALISIS RENDAH ROMBONGAN KE LONDON UNTUK MENENTANG MALAYAN UNION:

"Kenyataan itu bukan menjadikan kami berasa kecewa dan putus asa sebaliknya ia telah memperhebatkan lagi tuntutan kami dan menambahkan azam kami untuk meneruskan perjuangan kebangsaan itu. Oleh-kerana itu orang-orang Melayu sekarang menentang Kevakilan perjanjian Mac Michael dan ketika itu kami akan berunding atas rancangan Persekutuan."


Lahirnya Sebuah Negara Bangsa



DATUK Onn Jaafar (dua dari kanan) bergambar pada satu upacara di perkarangan Istana Sultan Ibrahim, Johor.



DALAM satu upacara di hadapan Balai Besar Alor Star sempena perasmian persidangan UMNO 1947, Datuk Onn mengambil kesempatan menyeru umat Melayu agar bersatu.



SATU lagi perhimpunan UMNO yang berlangsung di Melaka.



DATUK Onn Jaafar di Perhimpunan Agung UMNO di Seremban pada tahun 1957.



TIDAK kira di mana, Datuk Onn Jaafar sedia berucap untuk kepentingan orang Melayu.



PARA penyokong parti negara di Pulau Pinang, tidak melepaskan peluang bergambar dengan Datuk Onn Jaafar.



BEBERAPA pemimpin dan ulama UMNO dalam satu persidangan.

Sidang kedua pilih bendera rasmi UMNO

PERSIDANGAN Majlis Agung UMNO yang kedua telah diadakan di Dewan Bandaran Ipoh, Perak pada 29 dan 30 Jun 1946.

Majlis itu dirasmikan oleh Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz dan dipengerusikan oleh Tahir Setia Raja.

Sejumlah 34 perutusan ahli hadir pada majlis agung kedua UMNO yang juga membincangkan isu mengenai corak dan bentuk bendera UMNO turut dibincangkan. Pelbagai wakil dan contoh bentuk bendera dibawa oleh wakil dan setiap wakil menerangkan warna sesuatu gambaran yang terkandung dalam contoh bendera.

Antara contoh bendera yang dibentangkan empat beraja menarik perhatian sebahagian besar wakil.

1. Corak jalur hitam, hijau dan putih cadangan Pergerakan Melayu Semananjung Johor.

2. Warna merah dan putih selari (Parti Kebangsaan Melayu Malaya).

3. Warna merah putih dengan di tengahnya gambar sebilah keris warna hijau (Persatuan Melayu Daerah Sabak Bernam).

4. Warna merah putih dengan di tengahnya gambar sebilah keris warna hijau terletak di tengah satu bulatan warna kuning (Ikatan Setia Kampung Baru Kuala Lumpur).

Setelah berhabas panjang lebar, akhirnya ahli persidangan bersetuju untuk menerima cadangan Ikatan Setia Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Ini menyebabkan dua pertubuhan yang cadangan mereka ditolak iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor berjanjal keluar daripada majlis persidangan dan terus menarak diri.

Persidangan yang kedua juga menyimpulkan majlis menandatangani piagam tambahan bagi membolehkan tujuh pertubuhan yang tidak berkesempatan menandatangani piagam UMNO di

Istana Besar berbuat demikian dan diiktiraf menjadi pengasas UMNO. Ketujuh-tujuh pertubuhan itu ialah:

1. Wataniah, Pahang
2. Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor
3. Kesatuan Melayu Melaka
4. Persatuan Melayu Pulau Pinang
5. Persatuan Melayu Terengganu
6. Kesatuan Melayu Johor, Muar dan
7. Kaum Darat, Selangor.

Persidangan UMNO yang kedua juga mengambil keputusan untuk memberi kuasa penuh kepada Yang Di Pertua dalam rundingan berkenaan dengan cadangan Persekutuan Negeri-Negeri Melayu dan cara-caranya.

Antara ketetapan yang dicapai pada persidangan UMNO yang kedua ialah:

Jauh daripada rasa kecewa ataupun berputus asa, UMNO adalah lebih berazam daripada masa yang lalu akan meneruskan penentangannya terhadap rancangan Malayan Union dan akan

menyusun langkah-langkahnya bagi memperhebatkan penentangannya.

Perisytiharan yang dibacakan oleh Mufti Perak Ismail Hamzah pada sebuah perhimpunan yang diadakan di sebuah padang besar di Kuala Kangsar pada 28 Mei 1946.

"Di dalam perhimpunan ini, kami terpaksa mengemukakan dengan tegas bahawa kami akan terus memandang perantaraan itu tidak mengikat kami dan kami membantah rancangan Malayan Union itu.

Sementara kami taat setia kepada Baginda King, kami pohon menyatakan bahawa bagi membawa perkara ini di dalam lingkungan kekuasaan negeri-negeri asing (Foreign Jurisdiction Acts of 1946) itu adalah satu langkah yang bertentangan dengan semangat kami sama sekali daripada alam politik.

Kami telah pun dan masih mendakwa adalah kami berpemerintahan Sultan-sultan Islam Melayu yang merdeka."



DATUK Onn (duduk, tujuh dari kiri) dan Datin Halimah (duduk lima dari kiri) bergambar bersama pemimpin Pembar (UMNO) Port Dickson di hadapan pejabat Pembar Port Dickson, semasa lawatan mereka berdua pada 3 Mac 1947.